



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	BERITA HARIAN		
TARIKH	:	29/11/2019	MUKA SURAT	: 47
JABATAN	:	PERHILITAN		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		

Anggota haiwan liar RM240,000 dirampas

Empat suspek disyaki jalankan kegiatan pemburuan haram ditahan

Oleh Samadi Ahmad
bhnews@bh.com.my

Dengkil: Pihak berkuasa merampas beberapa bahagian hidupan liar termasuk gading gajah, tanduk rusa dan kulit haiwan dilindungi, semamunya dianggarkan bernilai RM240,000 susulan penahanan empat suspek warga tempatan, baru-baru ini.

Semua suspek disyaki menjalankan kegiatan pemburuan haram itu ditahan pada 13 November lalu menerusi Operasi Bersepadu Khazanah (OBK) yang dilancarkan bagi tujuan melindungi hidupan liar dan pemuliharaan hutan.

Timbalan Ketua Polis Negara, Datuk Mazlan Mansor, berkata empat suspek berkenaan ditahan di Pasir Mas, Kelantan dan Sungai Petani, Kedah.

Katanya, hasil pemeriksaan polis dan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) ke atas empat premis di dua negeri terbabit, pihak berkuasa turut merampas lima kenderaan mewah jenis Mercedes-Benz,



Mazlan (dua dari kanan) bersama Abdul Kadir (dua dari kiri) selepas sidang media Operasi Bersepadu Khazanah di Paya Indah Wetlands, Dengkil, semalam.

Volkswagen dan Honda.

“Penahanan semua suspek ini dapat merungkai dalang yang bertanggungjawab dalam kegiatan pemburuan haram,”

katanya pada sidang media Operasi Bersepadu Khazanah di Paya Indah Wetlands, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Pengerah PERHILITAN, Datuk Abdul Kadir Abu Hashim.

Operasi itu yang dilancarkan pada 3 September lalu membabitkan kerjasama Jabatan PERHILITAN, polis serta Perbadanan Taman Negeri Perak (PTNP), Perbadanan Taman

Negara Endau Rompin, Johor; Jabatan Perhutanan Semanjung Malaysia dan beberapa badan bukan kerajaan (NGO).

Sehingga pertengahan bulan ini, pihak berkuasa menahan seramai 64 pesalah dan memusnahkan sebanyak 359 unit jerat dalam 21 kes tangkapan.

Sepanjang tempoh itu juga, Mazlan berkata, pihak berkuasa membekukan 13 akaun bank milik suspek dan ahli keluarga mereka mengikut Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLA), dengan

jumlah pembekuan dan penyitaan berjumlah RM1.58 juta.

Katanya, usaha bagi mencari dalang sindiket itu diteruskan di samping siasatan serentak oleh Jabatan PERHILITAN mengikut Seksyen 60 & Seksyen 68 Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2001.

“Pesalah yang ditahan bukan sahaja rakyat Malaysia, malah warga asing terdiri daripada China, Kemboja, Bangladesh, Myanmar, Indonesia dan Thailand.

“Polis memandang serius perkara ini dan memberi amaran mengenai tindakan keras sekiranya aktiviti itu terus diadakan,” katanya.